

Wanita Tidak lagi Menghuni Ceruk Dapur

Tetapi perubahan tanggapan mereka terhadap perkahwinan dan keluarga bakal menjadi isu kritikal negara

Women - Achievement
p: 37



Semakin ramai wanita hari ini yang mengisi sektor pekerjaan kolar putih dan profesional.

Bilangan pelajar di IPTA mengikut bidang 1993-1997

Jenis kursus	1993		1994		1995		1996		1997	
	Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita
Seni	5,194	8,225	6,706	8,975	7,426	9,338	5,428	11,271	6,775	13,236
Undang-undang	6,208	8,283	6,701	9,077	6,726	9,411	7,396	10,985	11,128	16,209
Sains	2,330	2,291	2,371	2,411	2,427	2,405	2,243	2,371	2,316	2,744
Sains Gunaan	2,077	2,200	2,279	2,365	2,463	2,662	2,812	3,148	5,257	6,893
Perubatan	1,382	1,442	1,419	1,632	1,493	1,899	1,592	2,307	1,662	3,043
Kejuruteraan	5,893	1,236	6,903	1,654	7,829	2,159	9,381	3,284	12,996	4,594

nangguhkan soal perkahwinan kerana ingin menyambung pelajaran. Ada juga yang ingin mengukuhkan kedudukan kerjaya dan kewangan seterusnya menjadi wanita yang berjaya dalam hidup. Sebahagiannya pula terlalu komited dengan kerjaya dengan mengutamakan kerjaya berbanding soal hidup berkeluarga.

Kalangan wanita yang berkerjaya dan berjaya selalunya memiliki kedudukan kewangan yang kukuh dan menganggap mereka mampu untuk berdikari tanpa bantuan seorang lelaki bergelar suami. Ada juga yang enggan berkahwin atau lambat berkahwin kerana ingin hidup tanpa kongkongan suami dan mahu menikmati sepenuhnya kebebasan yang sudah sehati dengan hidup mereka.

Satu lagi fenomena yang menarik

untuk diketengahkan dalam melihat transformasi kehidupan wanita-wanita ialah berhubung perkahwinan campur yang seperti menjadi satu trend gaya hidup moden. Keadaan itu mungkin disebabkan ramai wanita memiliki pendidikan tinggi sehingga mampu melanjutkan pelajaran ke luar negara. Di Barat mereka terdedah dengan kemodenan dan sedikit sebanyak persekitaran itu mempengaruhi pergaulan dan seterusnya dalam memilih jodoh.

Keadaan ini jelas berbeza berbanding zaman dulu di mana ibu bapa melarang keras sekiranya anak-anak mereka ingin berkahwin campur tetapi sekarang banyak keluarga lebih terbuka dan menyerahkan soal jodoh dan pilihan kepada anak-anak mereka sendiri. Selain itu ada

yang berpendapat kahwin campur akan dapat melahirkan generasi atau zuriat yang lebih bijak dan kacak atau lebih cantik. Perkahwinan campur juga tidak lagi dipandang hina oleh masyarakat seperti satu ketika dulu. Sekarang ia menjadi satu transformasi yang menarik pada zaman globalisasi. Dunia tanpa sempadan, maka cinta juga tanpa sempadan.

Kahwin campur merupakan mobiliti sosial kerana ia dapat menaikkan taraf dan menjadi kebanggaan bagi sesetengah golongan. Ia seolah-olah sudah menjadi satu trend di Malaysia kerana rakyat negara ini sendiri terdiri daripada pelbagai latar kaum dan budaya. Malah di Sabah dan Sarawak, kahwin campur sudah menjadi kebiasaan. Perkahwinan campur ini bukan setakat membabitkan sesama rakyat Malaysia tetapi juga dengan rakyat dari negara asing.

Transformasi sosial yang berlaku di kalangan wanita sekarang bukan sahaja membabitkan soal kahwin campur tetapi juga persoalan untuk memperoleh zuriat. Contohnya zaman dulu ibu bapa berpendapat anak-anak adalah rezeki dan tidak kira berapa ramai anak mereka. Konsep itu kini telah berubah. Pada zaman moden ini kebanyakan pasangan menganggap anak-anak hanya akan membebankan terutamanya jika mempunyai anak yang ramai.

Mereka menganggap perbelanjaan yang tinggi perlu dikeluarkan untuk membesarkan, menyekolahkan dan memenuhi permintaan anak-anak kerana anak-anak zaman sekarang terdedah dengan persekitaran kehidupan moden.

Semua itu boleh membebankan ibu bapa yang berpendapatan sederhana. Perbelanjaan sekolah juga semakin tinggi di mana anak-anak memerlukan kelas tuisyen, pelbagai jenis bahan atau buku rujukan dan sebagainya. Ini menyebabkan ibu bapa generasi hari ini mula berfikir dua kali untuk mendapatkan anak yang ramai selain ibu bapa ingin hidup selesa tanpa dibebani masalah mendidik anak-anak. □

* Profesor Dr. Fatimah Daud ialah pensyarah Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya.

tanah rancangan FELDA yang telah berjaya menarik generasi pertama (peneroka) kini berhadapan dengan masalah migrasi keluar generasi kedua (anak peneroka) yang tinggi.

Satu kajian di tanah rancangan FELDA di negeri Kedah (yang mempunyai 10 tanah rancangan yang menempatkan 3,177 orang peneroka) mendapati 80 peratus daripada golongan belia di tanah rancangan bercadang untuk berpindah keluar ke kawasan bandar (perindustrian) untuk mencari pekerjaan. Sekitar 50 peratus daripada mereka memberi alasan untuk berpindah kerana tingkat pendapatan yang lebih tinggi, pendapatan bulanan yang stabil dan cara hidup bandar yang lebih menarik. Majoriti daripada golongan belia ini akan tetap berpindah walaupun pendapatan yang mungkin diterima di kawasan FELDA lebih tinggi daripada di kawasan bandar (sektor perindustrian). Selain itu, kajian mendapati 16 buah rumah peneroka terbiar kosong kerana peneroka telah meninggal dunia.

Isu ketiga yang perlu diberi perhatian ialah isu migrasi antarabangsa. Ini kerana selain daripada migrasi dalaman, luar bandar ke kawasan bandar (sektor pertanian ke sektor perindustrian), masalah migrasi lain dalam proses transformasi ekonomi ialah migrasi masuk antarabangsa yang tinggi. Sejak akhir 1980-an terutamanya antara tahun 1990 hingga 1995, ekonomi Malaysia telah tumbuh dengan pesat sekitar 8.4 peratus setahun, lebih tinggi daripada yang dianggarkan sekitar 7.0 peratus setahun. Perkembangan ekonomi yang pesat ini dijana daripada pertumbuhan pesat sektor perindustrian. Guna tenaga sektor ini meningkat dengan mendadak daripada 542,817 orang pada tahun 1980 kepada 2.6 juta pada tahun 2000. Keadaan ini menyebabkan berlaku masalah kekurangan tenaga buruh bukan sahaja dalam sektor perindustrian, tetapi juga dalam sektor pembinaan dan pertanian sehingga mendorong kepada usaha membawa masuk tenaga buruh asing yang ramai ke negara ini.

Isu keempat ialah kelesuan sektor pertanian (makanan). Sektor pertanian masih lagi menjadi teras aktiviti ekonomi kawasan luar bandar. Sejak Dasar Pertanian Negara pertama (1984) dilancarkan import makanan tidak berkurangan, malah terus meningkat. Walaupun pengurangan import makanan bukanlah

salah satu daripada objektif khusus DPN namun peningkatan pengeluaran dan nilai ditambah merupakan salah satu daripada rangka kerja makro-sektoral Dasar Pertanian Negara.

Walaupun negara sedang mengejar era negara perindustrian, perancangan pertanian terutamanya perancangan pengeluaran dan pemrosesan makanan tidak harus dipinggirkan. Pembangunan sektor pertanian seharusnya dianggap sebagai pelengkap sektor perindustrian. Banyak yang kita telah pelajari daripada krisis ekonomi (1997) yang lepas. Kejatuhan nilai ringgit telah meningkatkan kos pengeluaran ayam antara 80 hingga 85 peratus. Ia membabitkan kenaikan harga anak ayam daripada 60 sen hingga 70 sen kepada RM1.10 seekor, harga bahan makanan utama seperti jagung dan kacang soya yang kebanyakannya diimport dari Amerika Syarikat, China dan Argentina dan harga bahan-bahan ubatan seperti vitamin mineral dan antibiotik juga naik. Keadaan ini meningkatkan kos pengeluaran yang akhirnya mendesak harga makanan untuk terus meningkat.

Pengeluaran padi, beras dan keluaran berasaskan beras dijangka menjadi isu utama sektor pengeluaran makanan dalam masa terdekat ini. Bagaimanakah Malaysia hendak memenuhi komitmen Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)? Padi, beras dan keluaran berasaskan beras termasuk dalam Skim Tarif Keutamaan Seragam Berkesan ASEAN (*Common Preferential Effective Tariff*) mulai tahun 2005 dan hanya boleh ditanggung (kelonggaran) sehingga 2010. Tarif perdagangan intra-ASEAN akan dikurangkan daripada kosong hingga 5 peratus sahaja.

Akhir sekali, perlu dinyatakan bahawa pencapaian yang lebih berkesan dalam usaha mencapai matlamat kemajuan dalam pembangunan manusia di negara ini semestinya memerlukan penglibatan semua pihak. Kerajaan, sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan perlu benar-benar mempunyai iltizam yang tinggi dan harus bekerjasama dalam merangka dasar melaksanakan program dan projek agar segala keputusan dapat berjalan secara cekap dan berkesan bersesuaian dengan falsafah 'membangun bersama saya'.

* *Profesor Madya Dr. Asan Ali Golam Hassan ialah pensyarah Fakulti Ekonomi Universiti Utara Malaysia.*



Oleh DR. FATIMAH DAUD

STATUS wanita pada zaman sebelum merdeka adalah rendah dibandingkan dengan lelaki jika ditinjau dari pelbagai aspek. Dari segi ekonomi, wanita hanya bekerja sebagai pembantu keluarga tetapi pada masa kini perubahan jelas ketara dalam konteks pekerjaan wanita, misalnya wanita telah berganding bahu seiring dengan kaum lelaki meneroka pelbagai bidang pekerjaan baik di sektor industri mahupun kerajaan.

Awal 1970-an menandakan perubahan besar pekerjaan wanita di Malaysia apabila banyak kilang dibuka. Sementara sekitar 1980-an menunjukkan era transformasi yang pesat dari segi kelahiran profesional. Ramai pekerja wanita telah dilantik menjadi pengurus sumber manusia di kilang-kilang multinasional.

Pada tahun 1990-an pula wanita-wanita profesional telah diberi pengiktirafan oleh kerajaan untuk mengisi jawatan-jawatan penting dalam kerajaan dan paling membanggakan apabila wanita dilantik menjadi Gabenor Bank Negara Malaysia.

Dari segi pendidikan pula, bilangan wanita yang memilih profesion perguruan telah mengatasi jumlah lelaki. Ini suatu transformasi yang amat besar terjadi dalam masyarakat Malaysia. Bilangan profesor wanita di universiti juga bertambah jika dibandingkan dengan 10 atau 20 tahun lalu.

Satu lagi perubahan yang ketara di kalangan wanita hari ini ialah tentang persoalan jodoh dan perkahwinan. Rata-rata wanita sekarang kahwin lambat. Mengikut hasil kajian, purata wanita berkahwin adalah ketika berumur 25 tahun. Pada tahun 1980-an, purata usia wanita berkahwin ketika itu adalah 23 tahun. Melihat kepada perubahan itu, tidak mustahil pada masa akan datang wanita akan berkahwin ketika mereka berusia 28 tahun. Sebahagian besar mereka yang lambat berkahwin ini terdiri daripada wanita-wanita yang berkerjaya dan berpendidikan tinggi.

Di sini boleh digariskan beberapa sebab mengapa wanita hari ini agak lambat berkahwin. Antaranya ialah berkaitan dengan soal pelajaran di mana kebanyakannya terpaksa me-